

20/01/2005

RINGGIT-REAKSI

PENDAPAT BERBELAH BAHAGI MENGENAI KAJIAN SEMULA TAMBATAN RINGGIT

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Pandangan-pandangan dan analisis daripada ahli-ahli ekonomi dan para pemerhati pasaran adalah berbelah bahagi setelah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan diadakan kajian semula terhadap tambatan ringgit, kini berada pada RM3.80 berbanding satu dolar AS.

Negarawan ulung itu telah menyarankan supaya diadakan kajian semula kerana katanya tambatan itu telah menyebabkan ringgit merosot berbanding matawang-matawang utama lain.

"Saranan itu memang telah diketahui bukan hanya kerana Dr Mahathir pernah menjadi PM, yang sesetengah percaya, telah menyelamatkan negara akibat keruntuhan syarikat-syarikat dan set-aset yang bermasalah semasa krisis kewangan Asia dahulu, dengan mengenakan tambatan ringgit tetapi juga kita berkemungkinan menghadapi lebih banyak kegawatan matawang antarabangsa tahun ini," kata ahli ekonomi Dr Yeah Kim Leng.

Ini terutamanya dengan AS sedang bergelut dengan defisit berkembar kewangan dan perdagangan, katanya.

Dan ini akan memaksa dolar AS menghadapi tekanan menurun berterusan selagi masalah-masalah itu kekal, kata Yeah, yang juga pengarah urusan dan ketua ahli ekonomi RAM Consultancy Services Sdn Bhd.

Penurunan berkekalan matawang AS itu akan menekan Renminbi China dan juga ringgit kerana kedua-duanya ditambat kepada matawang AS itu.

Sungguhpun spekulasi perubahan regim kadar tukaran tetap matawang kedua-dua negara itu berkemungkinan berlipat ganda tahun ini, ketidakpastian yang diwujudkan itu mungkin mengganggu perdagangan dan pelaburan, kata Yeah.

Kemungkinan kesan buruk itu, bagaimanapun, mungkin terhad memandangkan kedua-dua ekonomi China dan Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang sihat, katanya.

Philippe Sachs, penganalisis kredit di Standard & Poor's berkata, sungguhpun terdapat implikasi yang kecil kepada mengubah regim matawang sekarang, adalah bagi kepentingan Malaysia untuk bertindak tegas bagi menangani harapan dan aliran spekulasi yang menemaninya dengan cara terbaik selepas kenyataan Dr Mahathir itu.

Beliau berkata sungguhpun tambatan itu berjalan baik bagi Malaysia, ia membuka lima pilihan utama - mengapungkan ringgit dengan bebas, memperkenalkan pengapungan terkawal, tambatan semula kepada dolar AS pada nilai dinaikkan, ditambat semula kepada satu kumpulan matawang atau mengekalkan regim sekarang.

Sachs berkata tindakan jangka terdekat akan membolehkan Malaysia menentukan hala dan jenis peralihan kepada satu regim baru.

Tetapi katanya terdapat sedikit bukti penyelewengan modal akibat dasar-dasar kadar tukaran wang semasa.

"Kerugian aset adalah amat kecil dan pengaliran masuk +wang panas+ masih terkawal," katanya, sambil menambah bahawa adalah lebih baik biasanya bergerak pada regim-regim tukaran wang daripada satu kedudukan yang kukuh.

Sani Hamid, penganalisis kanan daripada firma penyelidikan Singapura Forecast Pte Ltd, berstuju dengan gabenor Bank Negara Malaysia yang kajian semula hanya dilakukan apabila terdapat perubahan struktur atau salah pelarasan.

Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz telah menyatakan bahawa perubahan dalam sebarang matawang tunggal tidak akan menjejaskan tambatan ringgit.

Sani berkata beliau percaya bahawa BNM hanya akan bertindak sekiranya potensi ketidakimbangan disebabkan kemunculan tambatan matawang yang menyeleweng.

"Kami percaya bahawa pencetus utama bagi kajian semula terletak pada pelbagai angkubah makro-ekonomi daripada inflasi kepada kestabilan sektor perbankan kepada rizab antarabangsa," katanya.

Pencetus-pencetus kedua seperti penilaian semula yuan, pariti dolar/yen pada 140 atau pengurangan 20 peratus hanya menyedarkan pihak berkuasa kepada kemungkinan tambatan diselewengkan dengan banyak.

Sani juga menyebut tokoh penerima anugerah Nobel, Joseph E Stiglitz sebagai berkata bahawa tambatan itu masih berjalan baik dan "anda perlu lihat banyak data untuk membuat taksiran yang tegas."

Timbalan Presiden Persatuan Pengilang Bumiputra Malaysia (PPBM) Mejar (B) Abdul Rahman Ibrahim berkata masanya telah tiba bagi kerajaan menimbangkan untuk mengkaji semula tambatan matawang Malaysia (ringgit) yang akan pastinya memberi manfaat kepada para pengilang tempatan.

Katanya kajian semula sekurang-kurangnya mengurangkan kos mengimport bahan-baan perkilangan daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

"3.8 adalah amat tinggi bagi kami. Macam mana kami hendak bersaing dengan produk-produk import lain," tanya beliau.

Menyebut contoh China, Abdul Rahman berkata adalah sukar bagi barangan tempatan untuk bersaing dengan produk-produk yang dibawa masuk dari negara itu kerana ia adalah murah dan bermutu baik.

"Kami juga boleh beri anda mutu baik tetapi tentulah pada harga lebih tinggi disebabkan harga barangan diimport yang kami perlu tanggung," katanya.

Abdul Rahman juga berkata keadaan tidak begitu baik bagi mereka yang menjual keluarannya di pasaran tempatan.

Naib presiden eksekutif dan ketua urusan Mayban Securities Wan Ahmad Satria Wan Hussein berkata Dr Mahathir menyuarakan semula apa yang broker-broker asing telahpun suarakan yang ringgit adalah dinilai rendah.

"Kerajaan boleh kaji semula keadaan sekarang dan berbuat sesuatu sekiranya terdapat penyelewengan. Ia adalah satu pengimbangan," katanya.

-- BERNAMA

TM SHY OS